

PERANAN ICT DALAM PENGURUSAN ZAKAT, WAKAF DAN SEDEKAH

THE ROLE OF ICT IN THE MANAGEMENT OF ZAKAT, WAKAF AND CHARITY

Nurafiqah Liyana Md Roslan¹

Nur Khairunnisa Khirulrezal²

Khadijah Hod³

Maisarah Saidin⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia,
(Email: afiqahliyana54@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia,
(Email: nur_khairunnisa@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia,
(Email: khadijahhod003@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia,
(Email: maisarah@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023

Revised date : 8-8-2023

Accepted date : 25-9-2023

Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Md Roslan, N. L., Khirulrezal, N. K., Hod, K., & Saidin, M. (2023). Peranan Ict Dalam Pengurusan Zakat, Wakaf Dan Sedekah. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 169 - 182.

Abstrak: Penggunaan ICT dan internet adalah sangat penting di dalam era globalisasi ini, di mana segala maklumat serta perkhidmatan boleh diakses dengan hanya menggunakan hujung jari sahaja. Selain dari itu, semenjak wujudnya virus Covid-19 yang datang menyerang Malaysia menyebabkan penggunaan ICT di dalam semua bidang meningkat dengan pesat terutamanya penggunaan ICT dalam urusan harian. Oleh yang demikian, di dalam meniti arus kemodenan atau dunia canggih ini, kemahiran dalam menggunakan teknologi serta internet sudah menjadi sebatи di dalam diri masyarakat di Malaysia tidak kira peringkat umur yang muda mahupun tua lagi. Tambahan lagi, dengan wujudnya ICT ini semua urusan harian dapat dijalankan dengan mudah tanpa perlu keluar terutamanya kepada masyarakat Muslim yang perlu menunaikan kewajipan seperti membayar zakat serta wakaf dan sedekah pada musim covid-19 dimana peraturan yang ketat telah dilaksanakan bagi mengelakkan jangkitan. Walaubagaimanapun, masih terdapat sebilangan masyarakat Muslim yang masihwas-was dan musykil serta tidak yakin di dalam penggunaan ICT dan internet walaupun duniadi masa kini sangat pesat dalam penggunaan ICT terutamanya di dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan-urusan yang membabitkan Islam seperti pembayaran zakat secara maya, wakaf dengan menggunakan aplikasi e-wakaf dan sebagainya. Oleh sebab itu, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti peranan ICT serta menguji kefahaman mengenai fungsi ICT di dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah. Selanjutnya, kajian ini dilakukan dalam bentuk tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik dengan menggunakan Microsoft form dan akan diedarkan kepada responden yang disasarkan. Hasil daripada kajianini, pengkaji dapat melihat tahap pengetahuan serta pemahaman dalam penggunaan ICT dalam pengurusan zakat, sedekah dan wakaf berada di tahap yang baik. Sebagai penghias bicara akhir,

penggunaan ICT amatlah penting kerana ianya bukan sahaja membantu kita menunaikan kawajipan sebagai seorang Muslim malah memudahkan kehidupan sehari-hari kita sebagai seorang Muslim.

Kata kunci: *ICT, Pengurusan Zakat, Wakaf, Sedekah.*

Abstract: *The use of ICT and the internet is very important in this era of globalization, where all information and services can be accessed at the touch of a finger. Apart from that, since the existence of the Covid-19 virus that came to attack Malaysia, the use of ICT in all fields has increased rapidly, especially the use of ICT in daily affairs. Therefore, in following the current of modernity or this sophisticated world, skills in using technology and the internet have become ingrained in society in Malaysia, regardless of the age of young or old. Furthermore, with the existence of this ICT, all daily affairs can be carried out easily without having to go out, especially for the Muslim community who need to fulfill their obligations such as paying zakat as well as waqf and charity during the covid-19 season where strict rules have been implemented to avoid infection. However, there are still a number of Muslim communities who are still wary and doubtful and not confident in the use of ICT and the internet even though the world today is very rapid in the use of ICT, especially in matters related to matters involving Islam such as payment virtual zakat, waqf by using e-waqf applications and so on. Therefore, the purpose of this study is to identify the role of ICT and test the understanding of the function of ICT in the management of zakat, waqf and charity. Further, this study is conducted in the form of a survey by distributing a questionnaire using Microsoft form and will be distributed to the targeted respondents. As a result of this study, the researcher can see that the level of knowledge and understanding in the use of ICT in the management of zakat, charity and waqf is at a good level. As a decoration of the final speech, the use of ICT is very important because it not only helps us fulfill our obligations as a Muslim but also facilitates our daily life as a Muslim.*

Keywords: *ICT, Zakat Management, Waqf, Charity.*

Pengenalan

Penggunaan ICT yang semakin berkembang pesat di dunia ini adalah bertujuan untuk membantu dan memudahkan urusan manusia jika ianya dapat digunakan dan dimanfaatkan dengan baik. Perkembangan teknologi yang berlaku telah memainkan peranan yang sangat besar dalam meningkatkan ekonomi seperti ekonomi Islam khususnya zakat, yang mana hasil kutipan dan agihan zakat memberi impak yang besar terhadap ekonomi Islam. Justeru itu, zakat merupakan salah satu rukun Islam yang penting dan harus merupakan kewajipan umat Islam untuk membayarnya demi kelangsungan kesejahteraan hidup. Tambahan pula, seiring dengan pertambahan zaman terdapat kaedah ICT yang diperkenalkan oleh pihak institusi zakat dapat memudahkan lagi pembayar menunaikan tanggungjawab mereka walaupun dalam keadaan pandemik. Hal ini kerana, peningkatan kes covid-19 yang berlaku sebelum ini telah menghadkan pergerakan masyarakat untuk berurus diluar rumah tidak kurang juga yang berlaku dalam membayar zakat.

Seterusnya, Islam bukan hanya mewajibkan umatnya untuk membayar zakat akan tetapi juga memerintahkan umatnya melaksanakan wakaf dan sedekah. Tidak dapat disangkalkan lagi bahawa wakaf memainkan peranan yang penting dalam membasmi kemiskinan, pendidikan, penyediaan kemudahan kesihatan dan sebagainya. Buktinya, Islam amat mengambil berat

terhadap kemajuan dan pembangunan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Amalan mewakafkan harta dilakukan kerana ingin mendekatkan diri kepada Allah demi mendapatkan kesejahteraan hidup serta jaminan pahala yang berpanjangan. Namun dalam melaksanakan wakaf haruslah disandarkan dengan niat yang betul dan ikhlas kerana Allah. Al-Quran banyak menjelaskan kepentingan bagi umat Islam untuk mengagihkan kekayaan mereka sama ada dalam bentuk zakat, wakaf, sedekah dan sebagainya. Seperti firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Orang yang menafkahkan harta mereka pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terang-terangan, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka serta mereka pula tidak akan berduka cita”.

(Surah al-Baqarah 2:274)

Tidak kurang pentingnya juga dalam amalan bersedekah yang dilakukan kerana sedekah merupakan suatu amalan yang mulia dan dapat membantu mengurangkan beban seseorang. Seperti yang biasa disebut dalam konteks manusia “Dalam rezeki kita ada rezeki orang lain”. Dalam Islam sedekah hukumnya adalah sunah, yang berarti amal ibadah jika dilakukan dengan sepenuh hati akan mendapat pahala dan jika tidak dilakukan tidak akan mendapatkan apapun ganjaran.

Berdasarkan penjelasan di atas mengenai zakat, wakaf dan sedekah dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga perkara tersebut merupakan suatu kegiatan keagamaan yang memiliki tujuan dalam mengetasi masalah-masalah yang telah terjadi dalam kehidupan manusia, seperti membasmi kemiskinan yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang memerlukan.

Kajian Lepas

Peranan zakat semasa Covid-19

Isu COVID-19 seperti yang masyarakat sedia maklum telah melanda dunia lebih kurang 2 tahun telah mengakibatkan banyak populasi yang terjejas terutama dalam sector pekerjaan. Bukan sahaja kesan yang negative pada sector pekerjaan malahan memberi kesan kepada semua pihak industri. Justeru itu, pandemik ini juga menunjukkan perubahan besar kepada sosio-ekonomi dunia. Di seluruh dunia, arahan lockdown telah berlaku dan senario ini memberi kesan negatif kepada ekonomi.

Oleh yang demikian, institusi zakat memainkan peranan penting dalam membantu umat Islam yang terjejas dengan pandemik ini mendapat hak mereka, paling minimum pada tahap yang paling asas, iaitu dharuriyat. Menurut Harisah et.al. (2021), bentuk pemberian zakat saat pandemik baik zakat fitrah maupun zakat maal boleh diberikan dalam bentuk wang seperti mana yang telah disepakti oleh empat mazhab bahwa pengedaran zakat dalam bentuk wang lebih memberikan maslahah berikutan keadaan masyarakat sangat memerlukan bantuan dalam bentuk wang.

Dalam suasana biasa yang berlaku sebelum pandemik COVID-19, bantuan diberikan kepada asnaf, atau orang yang layak menerima, secara berkala atau bantuan one-off. Setiap institusi atau pusat zakat sentiasa bersungguh-sungguh membantu mengagihkan bantuan kepada yang memerlukan (Muhammad Hanif Mohd Noor et.al., 2021). Menurut Muhammad Hanif Mohd

Noor et.al. (2021), dalam sebuah laporan kajian yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 14 April 2020, hampir keseluruhan penduduk di Malaysia seramai 33.8 juta rakyat terkesan dengan pelaksanaan PKP. Oleh itu, bahagian zakat juga tidak terlepas melepaskan peluang dalam menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan demi penapis kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh mereka.

Amalan Sedekah Membawa Berkat

Sejak sedekad yang lalu, perkata/an atau amalan sedekah sudah tidak asing lagi di dengar dan dilakukan dalam kalangan umat muslim. Hal ini kerana, sedekah merupakan salah satu amalan yang berfungsi untuk membantu satu sama lain kerana dengan melakukan amalan sedekah kita dapat meringankan beban orang lain. Tidak ada Batasan dalam bersedekah bahkan sesiapa pun berhak untuk melakukan sedekah. Tambahan pula, dengan bersedekah juga kita dapat mendekatkan diri kepada Allah serta berpeluang mendapat ganjaran pahala yang berterusan. Menurut Ridwan Abdurrahman et.al., (2022), pemberian sedekah hendaklah berlandaskan keikhlasan mengharapkan keredhaan Allah tanpa ada sekulimit cemuh atau kepentingan diri di dalam hati. jangan terlalu menyebut hadiah yang boleh menguris perasaan orang yang diberi. Sedekah tidak perlu menunggu ketika mempunyai harta yang banyak, cukuplah dengan kemampuan diri sendiri asalkan berdasarkan kesanggupan dan keikhlasan untuk menolong orang lain . Pendek kata, tidak ada rugi atau kurangnya harta sekiranya kita banyak melakukan sedekah bahkan amalan sedekah mampu membuka lagi pintu rezeki seseorang.

Peranan ICT dalam Pembangunan Harta Wakaf

Wakaf merupakan perkara yang penting selepas zakat dalam membantu meningkatkan ekonomi masyarakat Islam. Usaha berskala besar secara kolektif dan bersasar boleh digerakkan secara tidak langsung melalui kesedaran tentang wakaf. Ternyata peningkatan inovasi wakaf hari ini telah menggantikan kaedah tradisional yang lebih berkesan. Contohnya, wakaf tunai, hotel wakaf, saham wakaf dan universiti wakaf wujud. Muzakkir et al. (n.d), telah menyatakan bahawa Dengan pengenalan sistem e-wakaf ini dapat memberikan penyelesaian kepada masalah isu berkenaan harta-harta wakaf yang semakin bertimbun sekaligus dapat membantu dalam menjana ekonomi masyarakat Islam serta dalam pembangunan sosial umat Islam.

Cabarannya dalam Pengurusan Zakat

Bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus pengurusan zakat, satu struktur organisasi di peringkat dalaman perlu dibentuk terutamanya amil iaitu orang yang ditugaskan untuk menjalankan tugas berkaitan zakat memainkan peranan penting dalam memastikan institusi zakat bertindak secara aktif dengan perkembangan zaman. Tetapi terdapat cabaran dalam pengurusan zakat. Menurut Muhammin et al. (2020), antara cabaran di dalam pengurusan zakat ialah Cabaran dalam agihan zakat seperti salah guna kuasa dan kebocoran4 dalam agihan zakat adalah lebih besar daripada penentuan sumber dan kutipan zakat. Menurut beliau lagi, para amil di institusi zakat perlu memikul tanggungjawab dan amanah dengan baik sekali dalam menjalankan tugas dalam menguruskan zakat.

Peranan ICT dalam Pengurusan Zakat dan Wakaf

Urusan bermuamalah pada era dunia tanpa sempadan amat jauh berbeza jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini (Ibrahim, 2014). Kemajuan teknologi yang semakin pesat telah menjadikan aktiviti pengurusan perniagaan termasuk pengurusan zakat di Malaysia semakin rancak. Kewujudan ICT telah menyumbang perubahan yang ketara dalam cara penyampaian dan penyebaran maklumat dalam kalangan institusi dan para pelanggan. Di samping itu, perkhidmatan atas talian memudahkan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan atau

maklumat dengan lebih cepat dan efektif. Malaysia telah memulakan beberapa langkah untuk memastikan teknologi maklumat (ICT) memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat dan memudahkan perkhidmatan kepada umum (Mohsin, 2006).

E-Zakat adalah salah satu penyampaian perkhidmatan elektronik atas talian yang baharu yang diperkenalkan oleh pertubuhan-pertubuhan zakat bertujuan untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan zakat yang lebih baik kepada rakyat di Malaysia. E-Zakat akan menjadikan institusi zakat lebih cekap kerana kewujudannya dapat memudahkan urusan pelanggan dan membolehkan mereka untuk mengakses maklumat tentang zakat dengan lebih meluas. Ini dapat dilihat apabila beberapa institusi zakat negeri di Malaysia telah membenarkan para pembayar zakat melakukan transaksi bayaran zakat secara atas talian. Sebagai contoh Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dan Lembaga Zakat Selangor telah menggunakan transaksi pembayaran dan kutipan zakat secara atas talian melalui sistem E-Zakat. Shawal Kaslam (2009) mendapati bahawa E-Zakat telah muncul sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam mengintegrasikan aplikasi internet untuk membina sebuah institusi zakat yang berdaya saing dan moden. E-Zakat adalah media dalam talian yang digunakan untuk menyokong cara-cara organisasi zakat menyampaikan perkhidmatan, terutamanya dalam pengumpulan dan pengagihan dana zakat kepada penerima zakat. Menurut Md. Shahnur Azad et al. (2013) penggunaan aplikasi atas talian dapat mengurangkan masalah kebocoran maklumat dalam pengurusan kewangan serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan.

Selain dari itu, penggunaan ZakatTech dapat membantu dalam mempertingkatkan kualiti sistem pengurusan zakat. Menurut Rahisam et al. (2021), dari perspektif Dana Zakat, ZakatTech akan seiring dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 dari segi pengurusan dan kecekapan berasaskan teknologi, dan menjadi perintis teknologi pintar serta ZakatTech juga boleh menjadi satu platform baharu dalam sistem pengurusan zakat.

Seterusnya, dengan dunia yang sudah meningkat kemajuannya di mana penggunaan teknologi digital telah berleluasa dengan pesatnya di dalam pelbagai sektor dan institusi. Hal ini menyebabkan penggunaan aplikasi digital dalam pengurusan zakat amatlah digalakkan disebabkan oleh perkhidmatan digitalisasi ini dapat memberi kemudahan kepada umat Islam untuk melakukan urusan zakat. Noraini et al. (2022), berpendapat bahawa ICT mempunyai kuasa besar yang boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat kini dan disebabkan itulah dengan adanya teknologi digital pelbagai kaedah transaksi boleh dilakukan tanpa perlu membuat pembayarannya secara bersemuka. Menurut beliau lagi, teknologi digital ini akan memudahkan umat Islam untuk berzakat dengan senang dan cepat sekaligus dapat meningkatkan kutipan zakat.

Akhir sekali, selain wujudnya e-zakat terdapat juga e-wakaf yang membantu pengurusan wakaf menjadi lebih sistematik. Sistem e-wakaf ini telah lama diperkenalkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah untuk memudahkan orang Islam melakukan urusan wakaf. Menurut Aidi et al. (2005) dengan wujudnya e-wakaf ini segala urusan pengurusan wakaf dapat diurus dan ditadbir dengan cara yang lebih sistematik serta telus dan sesuai dengan perkembangan kemodenan pada masa kini.

Perbincangan Kajian

Konsep Zakat, Wakaf Dan Sedekah.

Dasawarsa ini perkataan zakat adalah tidak asing lagi dalam kehidupan umat Islam. Salah satu kewajiban umat muslim adalah membayar zakat kerana zakat merupakan rukun Islam yang mewajibkan bagi setiap muslim yang memiliki kewangan yang stabil, atau mampu untuk membayar zakat kepada orang yang memerlukan. Sebelum menyelusuri dengan lebih mendalam mengenai zakat adalah lebih elok untuk mengetahui apakah konsep zakat. Zakat berasal daripada perkataan arab yang membawa maksud baik, suci, bertambah dan berkembang. Dari segi istilah, zakat bererti sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diagihkan kepada mereka yang berhak (Muhammad Hanif Mohd Noor et.al., 2021).

Seterusnya, zakat memiliki dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat mal. Kata zakat fitrah adalah tidak asing lagi bagi umat Islam kerana sudah pasti zakat fitrah akan dibayar pada setiap tahun iaitu pada bulan Ramadhan. Pengertian zakat fitrah secara bahasa adalah suci, sedangkan menurut istilah syara' adalah sesuatu yang dikeluarkan pada tanggal satu syawal dengan beberapa syarat dan rukun tertentu (Ainil Layali et.al., 2020). Menurutnya lagi zakat ini disebut sebagai zakat al-Fitr sehubungan dengan masa mengeluarkannya, yaitu berbuka (al fithr). Zakat mal adalah zakat harta yang dapat disebut dengan harta apabila memenuhi syarat-syarat tertentu seperti dapat dimiliki, disimpan atau dikuasai, dapat diambil manfaatnya sesuai dengan harta tersebut. Tamsilnya rumah, mobil, tanah, haiwan ternakan, emas dan perak.

Penerangan yang seterusnya adalah mengenai wakaf. Wakaf berasal dari perkataan Bahasa Arab yang membawa maksud 'menahan' (Noor Hisham Md Nawi et.al., 2018). Istilah wakaf didefinisikan berbeza-beza menurut pandangan ahli fiqih. Pada pendapat Abu hanifah, pengertian wakaf adalah menahan suatu benda sesuai hukum yang ada dan menggunakan manfaatnya untuk perkara yang mendatangkan kebaikan. Sedangkan menurut mazhab syafi'i berpendapat bahawa wakaf merupakan pelepasan harta dari kepemilikan melalui prosedur yang ada. Secara umumnya, tujuan asal pihak yang berwakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mendapat ganjaran pahala yang berterusan.

Akhir sekali, pengertian mengenai sedekah adalah melakukan ibadah sosial secara sukarela, baik berupa material maupun nonmaterial, seperti tolong-menolong, dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT (Eni Devi Anjelina et.al., 2020). Sehubungan dengan itu, Ketika memberikan sedekah haruslah dengan niat yang ikhlas untuk mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah SWT. Dengan kata lain, perlu di perhatikan dengan lebih mendalam bahawa bersedekah bukanlah untuk menunjuk-nunjuk akan jumlah atau jenis barang yang disedekahkan kerana perbuatan tersebut dapat menghapuskan pahala sedekah. Akhir kata, tidak kira sama ada zakat,wakaf maupun sedekah mempunyai tujuan yang satu iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT disamping mendapatkan ganjaran pahala yang berterusan agar akhirnya kelak setiap umat Islam sentiasa berada dibawah lindungan-Nya.Peranan dan Kelebihan Penggunaan ICT Dalam Pengurusan Zakat, Wakaf dan Sedekah

Pada era globalisasi ini, kesibukan dan kekangan waktu menjadi alasan yang biasa di dengari dari mulut-mulut masyarakat apabila menyentuh isu-isu mengenai melunaskan tanggungjawab sebagai seorang muslim seperti membayar zakat, wakaf maupun sedekah. Kini, dunia telah pun banyak berubah dan mula meniti dalam arus kemodenan. Oleh yang demikian penggunaan teknologi atau ICT adalah tidak asing lagi dikalangan masyarakat di Malaysia. Tambahan lagi, sejak tahun 2020 apabila Malaysia dilanda virus Covid-19 kebanyakan urusan-urusan tidak

boleh dilakukan secara bersemuka berikut dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilakukan oleh kerajaan yang membataskan pergerakan orang ramai. Hal ini menyebabkan, penggunaan ICT di dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah semakin berleluasa dan amat digalakkan oleh kerajaan kerana boleh dilakukan dengan lebih cepat dan lancar. Misalnya, wujud pelbagai aplikasi serta laman web yang membolehkan pengguna untuk mengakses apa-apa maklumat serta membuat pelbagai urusan secara atas talian. Oleh sebab itu, terdapat beberapa peranan ICT di dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah.

Antara peranan ICT dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah adalah penyebaran info-info terkini mengenai zakat, wakaf dan sedekah kepada masyarakat. Penggunaan internet yang semakin pesat telah mengubah pola kehidupan masyarakat di mana pelbagai informasi atau maklumat mudah didapati dengan hanya menggunakan hujung jari sahaja. Institusi zakat tidak asing juga, telah menggunakan peluang ini untuk menyebarkan informasi berkaitan zakat kepada orang ramai dan pelbagai maklumat berkaitan zakat mudah di dapat sekaligus dapat mengelakkan sebarang maklumat palsu yang boleh menyebabkan salah faham dikalangan masyarakat muslim khususnya. Tambahan lagi, dengan wujudnya ICT ini maklumat berkaitan sedekah serta wakaf juga dapat tersebar dengan luas dan ianya juga dapat membantu dalam memperoleh maklumat-maklumat atau info-info berkaitan dengan orang yang memerlukan. Ini boleh menyebabkan pemberian sedekah atau wakaf dapat dilakukan dengan baik.

Selain dari itu, peranan lain ICT dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah ialah mewujudkan medium transaksi moden. Sejak kerajaan Malaysia mengeluarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), transaksi moden atau dikenali sebagai transaksi atas talian telah banyak digunakan di dalam proses jual beli sama ada di dalam atau di luar negara dan dengan cara transaksi ini membolehkan kita menyemak data tranksasi untuk mengelakkan berlakunya ketidakjujuran di dalam sesuatu proses jual beli. Oleh yang demikian, kaedah yang sama boleh diterapkan dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah. Dengan membolehkan transaksi secara moden ini, memudahkan untuk masyarakat melakukan bayaran secara atas talian dan tidak memerlukan mereka untuk keluar semata-mata untuk melakukan pembayaran sekaligus memudahkan urusan orang yang menerima bayaran. Tambahan lagi, sumbangan yang dilakukan tanpa tunai ini lebih telus dan mengurangkan risiko kehilangan dana dan sebagainya. Pelbagai inisiatif telah diadakan seperti e-zakat pay, e-wakaf, tulus.my dan lain-lain.

Akhir sekali, penyediaan kemudahan dalam pengurusan berkaitan juga merupakan peranan ICT dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah. Hal ini demikian kerana, selain dari ICT ini memudahkan dari segi transaksi, ianya juga dapat membantu pihak yang terlibat dalam urusan yang berkaitan dalam mengagihkan sumbangan kepada orang yang memerlukan. Lain daripada itu, pelbagai perkhidmatan dapat diberikan kepada orang awam. Sebagai contoh, pengurusan tanah wakaf Johor telah menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk membantu mengenal pasti tanah wakaf yang boleh dibangunkan serta sistem maklumat ini juga mempunyai rekod data yang lengkap mengenai lokasi, kedudukan tanah wakaf, fizikalnya bagi memudahkan pemantauan tanah wakaf dilakukan (Utusan Malaysia, 2021).

Selain daripada ICT ini mempunyai beberapa peranan dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah, ianya juga terdapat kelebihan atau manfaat yang boleh diperoleh dengan menggunakan teknologi atau ICT di dalam dunia yang mengalami revolusi industry 4.0 dengan sebaiknya. Maka, terdapat beberapa kelebihan menggunakan ICT dalam pengurusan zakat, sedekah dan wakaf.

Antara kelebihannya adalah flexibeliti dalam menggunakan ICT. Flexibeliti yang dimaksudkan di dalam konten ini adalah membawa maksud melakukan sesuatu pada bila-bila masa dan tanpa mengira tempat atau keadaan. Ini menunjukkan bahawa dengan penggunaan ICT dalam melakukan urusan zakat, wakaf dan sedekah, pengguna boleh melakukan urusan tersebut pada bila-bila masa dan di mana saja. Hal ini menjadikan urusan zakat, wakaf dan sedekah boleh dilakukan dengan mudah dan menjimatkan masa tanpa perlu keluar atau beratur Panjang di kaunter. Misalnya, dengan wujudnya aplikasi Tulus.my, pengguna hanya perlu menggunakan hujung jari mereka untuk melakukan sebarang urusan berkaitan zakat, wakaf dan sedekah. Justeru itu, dengan adanya ICT ini dapat memudahkan urusan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak.

Seterusnya, kelebihan lain dalam penggunaan ICT dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah ialah kemudahan proses penyimpanan data. Salah satu fungsi penting ICT ialah menyimpan data. Oleh yang demikian, dengan penggunaan ICT pelbagai data boleh disimpan termasuklah rekod-rekod transaksi keluar masuk duit, data-data pelanggan dan sebagainya. Dengan adanya teknologi ini, sebarang risiko kehilangan data dapat dielakkan oleh kerana maklumat-maklumat yang disimpan di dalam peranti atau sebagainya boleh di "back up" atau membuat sandaran data. Sebagai contoh, kes banjir yang baru-baru ini berlaku di beberapa negeri di Malaysia telah mengakibat ramai yang kehilangan nyawa, banyak kerosakan harta benda dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan bahawa jika data-data atau maklumat disimpan secara manual akan mengakibatkan risiko untuk kehilangan data. Akan tetapi dengan menggunakan ICT, data-data tersebut dapat di peroleh semula.

Akhir sekali, dapat menjimatkan kos merupakan salah satu kelebihan ICT dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah. Hal ini demikian kerana, dengan menggunakan ICT kegiatan promosi atau pengiklanan dapat dikurangkan disebabkan oleh institusi-institusi zakat, wakaf dan sedekah ini hanya perlu membuat promosi atau pengiklanan secara maya dan mereka tidak perlu lagi untuk menyetak risalah dan hanya perlu menggunakan internet untuk menyebarkan maklumat-maklumat terkini tanpa perlu bergerak ke satu tempat ke satu tempat yang lain. Tambahan lagi, penggunaan teknologi yang canggih kini, kos tenaga kerja dapat dikurangkan. Sebagai contoh, dengan adanya aplikasi-aplikasi seperti e-zakat, e-wakaf dan sebagainya, ramai pengguna akan menggunakan aplikasi tersebut untuk menyelesaikan urusan mereka. Oleh itu, dengan teknologi yang semakin canggih menyebabkan kebergantungan kepada tenaga kerja berkurang.

Pandangan perspektif Islam Terhadap Pembayaran Zakat dengan Menggunakan Teknologi ICT
Menurut Mohamad (2018), Islam adalah agama yang sentiasa selari dengan kehendak semasa. Ini kerana dalam Islam ada prinsip yang bersifat tetap (thabat) di mana ia tidak akan berubah sampai bila-bila walau di mana sahaja dan ada juga unsur fleksibel (murunah / mutaghayyirat) yang boleh berubah mengikut keperluan semasa. Alat dan kemudahan dalam mengurus sesuatu adalah suatu yang termasuk dalam kategori unsur fleksibel. Jika pada suatu masa dahulu, segalanya dibuat secara manual yang mana kebanyakannya memerlukan masa dan tenaga yang banyak. Namun kini, kemajuan dalam pelbagai aspek sentiasa berkembang demi memenuhi keperluan semasa. Antaranya kemajuan teknologi dalam pengurusan zakat.

Menurut Mamat dan Mahamood (2014), dalam era global hari ini, masyarakat Islam tidak ada pilihan selain menjadi pengguna teknologi terkini walaupun ia bukanlah dicipta pada asalnya berdasarkan kepada prinsip ketuhanan. Ini kerana Islam tidak menghalang suatu perkara melainkan jika keburukannya lebih banyak berbanding manfaatnya. Oleh itu, dalam konteks

penggunaan teknologi maklumat, sudah tentu ia dapat meningkatkan ilmu masyarakat dan seterusnya menyedarkan mereka tentang kewajipan berzakat.

Keperluan penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan zakat bukan lagi dikira dalam kategori tafsiniyyat atau hajiyyat. Malah ia sudah sampai tahap daruriyyat. Ini kerana matlamat pensyiaratan zakat itu dapat direalisasikan secara lebih cepat berbanding mengurus zakat secara manual. Di dalam Al-Qur'an juga banyak menyarankan supaya umat Islam bergiat menggunakan segala ciptaan Allah SWT untuk kegunaan mereka di dalam kehidupan seharian. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat- nikmatNya yang zahir dan yang batin?”

(Surah Luqman:20)


“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).”

(Surah Ibrahim: 32)

Daripada apa yang diterangkan di atas, jelas bahawa penggunaan teknologi adalah suatu yang dituntut dalam Islam kerana ia boleh membawa kepada pencapaian Maqasid al- Syariah. Menunaikan zakat adalah satu kewajipan dan mengagihkan zakat kepada asnaf juga suatu kewajipan. Oleh itu, apa sahaja cara yang boleh membawa kepada tertunainya suatu kewajipan dalam bentuk yang lebih efisien dan berkesan, maka cara itu juga menjadi satu kewajipan.

Hasil Kajian

Hasil kajian ini dicapai melalui soalan kaji selidik untuk menguji tahap pengetahuan responden-responden yang disasarkan iaitu daripada pelajar tahun 4 dari fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengenai penggunaan ICT dalam pengurusan zakat, sedekah dan wakaf. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi seramai 80 responden dari pelbagai program pengajian seperti Pengajian Quran dan Sunnah, Pengajian Quran dan Multimedia, Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat dan Pengajian Qiraat.



Rajah 1

Pada soalan ini, 59 responden mengatakan bahawa pernah membayar atau menerima zakat dan sebaliknya pula mengatakan bahawa tidak iaitu sebanyak 21 responden. Majoriti memilih ya iaitu pernah membayar atau menerima zakat.

5. Adakah anda pernah berurusan dengan zakat secara maya? (0 point)

[More Details](#) 

● Ya	48
● Tidak	23
● Mungkin	10




Rajah 2

Soalan seterusnya mempunyai 3 pilihan jawapan mengenai adakah anda pernah berurusan dengan zakat secara maya. Pada jawapan ya terdapat 47 responden, pada jawapan tidak pula sebanyak 23 responden dan yang terakhir pada jawapan mungkin adalah sebanyak 10. Ini menunjukkan majoriti responden pernah berurusan dengan zakat secara maya.

6. Apakah urusan zakat yang mungkin anda lakukan secara maya? (0 point)

[More Details](#) 

● Membuat Pembayaran Zakat	17
● Memohon Bantuan Zakat	38
● Menyemak Rekod Bayaran Zakat	5
● Lain-Lain	21



Rajah 3

Soalan berikutnya, mempunyai 4 pilihan jawapan. Pada jawapan pertama terdapat 17 orang responden, jawapan kedua adalah sebanyak 37, jawapan 4 sebanyak 5 orang responden dan yang terakhir adalah sebanyak 21 orang responden. Soalan ini ingin mengenal pasti urusan zakat yang pernah dilakukan oleh responden secara maya. Secara majoritinya, responden memilih urusan zakat secara maya yang mereka lakukan adalah memohon bantuan zakat.

7. Apakah anda tahu wakaf boleh dilakukan secara maya? (0 point)


[More Details](#) 

● Ya	51
● Tidak	16
● Mungkin	13



Rajah 4

Kemudian, soalan yang terdapat pada rajah 4 di atas adalah untuk menguji tahap pengetahuan responden mengenai wujudnya pengurusan wakaf secara atas talian atau secara maya. Keputusan daripada jawapan responden kepada soalan tersebut dalam tahap yang baik disebabkan seramai 51 responden menjawab tahu manakala seramai 16 responden menjawab tidak tahu dan responden yang selebihnya menjawab mungkin mengetahui pengurusan wakaf boleh dilakukan secara maya.



Rajah 5

Seterusnya, berdasarkan rajah 5 menunjukkan keputusan yang memuaskan kerana majoriti responden sudah biasa melakukan urusan sedekah secara maya disebabkan oleh seramai 64 responden daripada 80 responden menyatakan mereka sudah biasa bersedekah secara atas talian manakala hanya terdapat 11 responden menjawab tidak kepada soalan tersebut dan selebihnya menjawab kurang pasti.


Rajah 6
Jadual 1: Jawapan Responden


Jawapan Responden	Alasan
Ya	<ol style="list-style-type: none"> Urusan sedekah yang dilakukan secara maya lebih mudah. Fleksibel kerana boleh dilakukan di mana-mana sahaja tanpa mengira lokasi dan masa. Memudahkan semua pihak sama ada pada si pemberi dan si penerima.
Mungkin	
Tidak	<ol style="list-style-type: none"> Keselamatan transaksi tidak terjamin.

Berdasarkan hasil jawapan responden pada rajah 6 menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 71 responden mengesyorkan bersedekah secara atas talian dan seramai 8 responden menjawab mungkin atau tidak pasti. Akan tetapi hanya seorang responden sahaja yang tidak mengesyorkan melakukan urusan sedekah secara maya dengan alasan yang boleh dirujuk pada jadual 1, responden merasakan tiada jaminan terhadap keselamatan apabila melakukan sedekah secara atas talian.



Rajah 7

Berdasarkan rajah 7, keputusan menunjukkan majoriti responden iaitu 80% bersetuju bahawa ICT dapat membantu masyarakat dalam pengurusan Zakat, Wakaf dan Sedekah terutamanya ketika negara dilanda musibah Covid-19. Manakala hanya terdapat 1 responden sahaja yang menjawab kurang pasti kepada soalan tersebut.



Rajah 8

Jadual 1 menunjukkan senarai jawapan yang diperoleh daripada 81 orang responden bagi soalan “Adakah ICT memainkan peranan dalam pengurusan Zakat, Wakaf dan Sedekah?”. Berikan sebab bagi jawapan anda.

Jadual 2: Jawapan Responden

Senarai Jawapan	%
Mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan teratur	30%
Memudahkan urusan	25%
Menjimatkan masa dan tenaga	15%
Penggunaan teknologi lebih efisian dan efektif	11%
Jumlah	81%

Hasil kajian mendapati 30% berpendapat bahawa ICT memainkan peranan dalam mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan teratur. Manakala 25%-pula berpendapat bahawa kewujudan teknologi ICT dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah dapat memudahkan urusan mereka. Selebihnya, 14% dan 11% daripada mereka berpendapat bahawa ICT dapat menjimatkan masa dan tenaga serta penggunaannya lebih efisian dan efektif.

Secara tuntas, hasil daripada kajian jawapan responden terhadap soalan soal selidik yang telah diberikan kepada 80 orang responden daripada fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,didapati telah menunjukkan tahap kefahaman mereka mengenai peranan ICT dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah adalah berada di tahap yang memuaskan. Hal ini menunjukkan responden-responden ini sudah mempunyai pengetahuan yang bagus mengenai ICT dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah.

Rujukan

Al-Quran

- Ahmi, A., Nasir, M. H. M., & Sharif, M. H. M. (2005). E-Wakaf: Ke Arah Pengurusan Wakaf Yang Lebih Sistematis. In *Seminar Kebangsaan Ke Arah Pembangunan E-Malaysia: Merapatkan Jurang Komuniti dengan Teknologi Maklumat* (pp. 6-7).
- Ainil Layali & Syarifatul Marwiyah. (Mei,2020). Pendistribusian Zakat Fitrah Perspektif Imam Syafi'i. *Jurnal Hukum Keluarga*, vol 1 no 1, 58, diperolehi daripada <http://ejournal.inaifas.ac.id/index.php/Mabahits/article/view/333>
- Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad & Nik Mohd Saiful W.Mohd Sidik. (2018). *Wakaf Ke Arah Pengurusan Yang Efektif Di Malaysia*.
- Eni Devi Anjelina, Rania Salsabila & Dwi Ayu Fitriyanti. (2020). Peranan Zakat, Infak dan Sedekah dalam Meningkatkan Kesejahteraan Ekonomi Masyarakat. *Jurnal Ekonomi, Keuangan dan Perbankan Syariah* (2) (vol 4). Pp 137.
- Hermawan, I. (2019). *Metodologi Penelitian Pendidikan (Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed Method)*. Hidayatul Quran.
- Harisah, Hoironi, Mufidatus Sa'adah & Abd Jalil. (Februari, 2021). Peran zakat dalam pemulihan ekonomi saat pandemi covid-19. *Institusi Agama Islam Negeri Madura*, vol.4 no.1, 63-64.
- Ibrahim, M. F. (2014). Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang. *Jurnal Pengurusan*, 42.
- Lateh, Dr. N., Abdul Wahab, Dr. A., & Mohammad Zainal, M. F. (Eds.). (2018). *Isu-isu Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam di Nusantara*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA.
- Mamat. M.N. & Mahamood, S.F. (2004). Konsep pendidikan dan perundungan integratif sebagai solusi penjanaan etika hadhari mengahadapi impak ICT. Persidangan Kebangsaan Sains, Teknologi dan Masyarakat, 10-11 Disember. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Md. Raus, Mohd. Ikhsan. (2011). *Peranan ICT Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*. Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam, UiTM Pahang.
- Muhammad Hanif Mohd Noor, Muhammad Aiman Abdull Rahim, Wan Abdul Rahman Wan Ibrisam Fikry & Aminudin Hehsan. September,2021). *International Research Journal of Shariah,Muamalat and Islam*, vol 3 no 8, 24.
- Mohamad, S. (2018). *Penggunaan Teknologi Dalam Pengurusan Zakat Menurut Perspektif Islam*. Isu-isu Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam di Nusantara, 1. Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA.
- Mohsin Hj. Ahmad. 2006. Implementation of electronic government in Malaysia: The status and potential for better service to public. *Public Sector ICT Management Review* 1(1):2-10.
- Noraini Saro, Azri Bhari & Afandi Mat Rani. (2022). Aplikasi Pendigitalan Dalam Pengurusan Kewangan Dikalangan Institusi Pengurusan Zakat di Malaysia Digitalization. *Journal Of Information System and Technology Management* (vol 7). Pp 33.
- Noor Hisham Md Nawi & Marwan Ismail. (Februari, 2018). Falsafah Wakaf Pendidikan Tinggi; Satu Semakan Semula. *Journal of Techno Sosial*, vol 10 no 2, 43, diperolehi daripada <https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/3680/1996>
- Othman, M. M. B., Seman, W. A. B. W. A., Abdul, M. H. B., Wahab, M. I. M. R., & Abd Aziz, M. E. S. (n.d.) Peranan ICT Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia.
- Ramli, R., Ibrahim, A. F., Samsudin, S. N., & Nasri, M. S. (2021). Keperluan Zakattech Dalam Meningkatkan Kualiti Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Sorotan Literatur Bersistematik. *Jurnal Maw'izah*, 4(1), 22-35.

- Ridwan Abdurrahman & Rachmad Risqy Kurniawan. (2022). Sedekah Sebagai Upaya Meningkatkan Ekonomi Masyarakat. *Ulumul Qur'an: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*.
- Saro, N., Bhari, A., & Rani, A. M. (n.d.) Aplikasi Pendigitalan Dalam Pengurusan Kewangan Dikalangan Institusi Pengurusan Zakat Dimalaysia Digitalization. *Management*, 7(26), 32-42.
- Shawal Kaslam. 2009. The Advancement of e-Zakat for Delivering Better Quality Service and Enhancing Governance Sphere of Zakat Institution in Malaysia. Paper prepared for presentation at the World Zakat Forum organized by BAZNAS, 27-30 Mei, University Gajah Mada Yogyakarta, Indonesia.
- Zaki, M. M. M., Sulong, J., & GHANI, N. (2020). Cabaran Amil Lembaga Zakat Negeri Kedah Dalam Revolusi Perindustrian 4.0. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(1), 1-8.